



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

KAWALAN DAN TINDAKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KE ATAS PRODUK KOSMETIK DI PASARAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum terhadap artikel bertajuk “Kosmetik Beracun Terus Berleluasa di Pasaran” yang disiarkan oleh Berita Harian bertarikh 4 Disember 2018.

Semua produk kosmetik perlu dinotifikasi kepada KKM sebelum produk tersebut boleh dikilang, diimport, dibekal atau dijual di pasaran Malaysia. Produk kosmetik yang dikesan mengandungi bahan terlarang akan dibatal status notifikasi dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia. Senarai produk terlibat akan dipaparkan pada laman sesawang Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) www.npra.gov.my. Produk kosmetik yang telah dibatalkan notifikasi kerana dikesan mengandungi bahan terlarang tidak lagi dibenarkan untuk dijual dengan menggunakan nama, label, atau bentuk/warna/saiz bekas yang sama atau menyerupai dengan produk kosmetik yang telah dibatalkan.

KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) telah menjalankan beberapa siri tindakan penguatkuasaan ke atas premis yang disyaki telah melanggar undang-undang di seluruh negara. Daripada Januari hingga November 2018, sebanyak **142,777 item** produk kosmetik tidak bernetifikasi termasuk kosmetik yang mengandungi racun telah dirampas. Nilai rampasan adalah sebanyak **RM 3.4 juta**. Senarai produk-produk kosmetik yang mengandungi racun yang telah dirampas di pasaran adalah seperti di Lampiran A.

Kesemua premis yang didapati terlibat menjual produk kosmetik berkenaan akan disiasat di bawah Peraturan – peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3

tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya. Sehingga Oktober 2018, sebanyak 280 kes telah didakwa di mahkamah dengan jumlah denda sebanyak RM 790,000.

KKM juga sentiasa menjalankan pemantauan berterusan ke atas produk-produk kosmetik yang telah dibatalkan notifikasi di pasaran termasuk secara dalam talian. Sehingga Oktober 2018, lebih 10,000 alamat laman sesawang, blog, akaun media sosial dan platform e-dagang telah disaring. Sebanyak 1,109 sekatan akses terhadap laman sesawang dan akaun media sosial telah dikemukakan kepada pihak berkaitan serta 3,684 notifikasi yang telah dikemukakan kepada syarikat platform e-dagang telah diambil tindakan.

Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati semasa membeli sesuatu produk kosmetik di pasaran dan tidak mudah terpedaya dengan iklan-iklan produk kosmetik serta testimonial yang disiarkan di media cetak dan media elektronik yang membuat tuntutan yang tidak munasabah. Orang ramai termasuk pihak media digalakkan untuk mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan produk kosmetik yang meragukan sebagai usaha bersama pihak kementerian untuk membanteras penjualan produk kosmetik yang tidak dibenarkan bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang awam.

Aduan dan maklumat tersebut boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi, KKM melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> ATAU melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my>. ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasa Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian 03-78413200 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan produk kosmetik ini di pasaran.

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
7 DISEMBER 2018

SENARAI PRODUK-PRODUK KOSMETIK YANG MENGANDUNGI RACUN YANG TELAH DIRAMPAS DI PASARAN

Bil	Nama Kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
1	Nuriz Kosmetik-D'solve Plus 	Hydroquinone dan Tretinoin
2	Nuriz Shoppe -Beau One Whitening Cream 3 In 1 	Hydroquinone

Bil	Nama Kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
3	Dnars Sunny Cream 	Merkuri
4	Night Cream Dollys Pinky 	Merkuri
5	Nuriz Shoppe – UV Pearl Cream 	Merkuri

Bil	Nama Kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
6	Nuriz-D'Solve 	Merkuri
7	NV Anti Blemish Toner 1 	Hydroquinone dan Tretinoin
8	Dnars Honey Cream 	Hydroquinone dan Tretinoin

Bil	Nama Kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
9	Moleek Skincare Anti Pigmentation Cream Plus 	Hydroquinone dan Tretinoin
10	Dnars Yellow Gold Collagen 	Merkuri
11	GG Pinky Day Cream for Skin 	Merkuri

Bil	Nama Kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
12	Tati Therapy Cream 1 	Merkuri
13	Tati Therapy Cream 2 	Hydroquinone dan Tretinoin
14	Deeja Cosmetic Star Cream 	Hydroquinone dan Tretinoin

Bil	Nama Kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
15	Deeja Cosmetic Vogue Cream 	Merkuri
16	Deeja Krim Nano (Night) 	Merkuri
17	Miracle White - Brightening Cream 	Merkuri

Sumber diperoleh daripada Laman Sesawang Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)

<https://www.npra.gov.my/index.php/consumers/safety-information/cancellation-of-notified-cosmetic-products>